

## KEUNGGULAN KAEDAH ELEKTIK SISTEMATIK DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB KEPADA PELAJAR MELAYU

Hj Maimun Aqsha Lubis

### Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk membandingkan keberkesanan tiga kaedah pengajaran bahasa Arab iaitu di antara kaedah Taqlidiyah, kaedah al-Syam'iyat al-Shafawiyah dan kaedah eklektik sistematik. Tujuan utama kajian ini ialah untuk mengenal pasti kaedah pengajaran bahasa Arab yang paling berkesan untuk mencapai penguasaan dalam empat kemahiran bahasa (mendengar, bertutur, membaca dan menulis). Kajian ini dijalankan dengan menggunakan rekabentuk eksperimen quasi. Enam kumpulan pelajar yang masing-masing terdiri daripada 50 orang pelajar di Pusat Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa merupakan subjek kajian ini. Kaedah Taqlidiyah digunakan oleh golongan pensyarah yang mempunyai latar belakang pendidikan TAFL (Teaching Arabic As First Language), kaedah al-Sam'iyat al-Shafawiyah digunakan oleh golongan pensyarah yang mempunyai latar belakang pendidikan TASL (Teaching Arabic As A Second Language). Manakala kaedah Eklektik Sistematik merupakan gabungan kedua-dua kaedah Taqlidiyah, kaedah al-Syam'iyat al-Shafawiyah. Kurikulum yang digunakan bagi keenam-enam kumpulan pelajar dalam kajian ini adalah dikawal dari segi jantina, bangsa, pengetahuan asas bahasa Arab dan latihan bahasa Arab di luar kelas. Kajian ini telah mengenal pasti ciri-ciri dan langkah-langkah kaedah Eklektik Sistematik, yang dianggap sesuai untuk pengajaran bahasa Arab kepada pelajar Melayu di Pusat Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Hasil kajian menunjukkan bahawa kaedah Taqlidiyah berkesan bagi kemahiran kefahaman bacaan dan kemahiran menulis di peringkat permulaan dan peringkat pertengahan. Kaedah al-Sam'iyat al-Shafawiyah didapati berkesan bagi kemahiran kefahaman mendengar dan kemahiran bertutur pada kedua-dua peringkat; permulaan dan pertengahan. Kaedah Eklektik Sistematik didapati berkesan bagi keempat-empat kemahiran pada kedua-dua tahap atau peringkat iaitu peringkat permulaan dan pertengahan.

**Kata kunci:** Pengajaran bahasa Arab, eksperimen quasi, Eklektik Sistematik, kemahiran bahasa, peringkat permulaan dan pertengahan, pelajar Melayu

### Abstract

This study was conducted to compare the effectiveness of three methods of teaching the Arabic language namely the Taqlidiyah, the al-Sam'iyat al-Shafawiyah and the Eclectic Systematic. The purpose of this study was to determine which of the three methods was more effective in achieving proficiency in the four language skill (listening, speaking, reading, and writing). The study was carried out using a quasi experimental design. Six groups of 50 students each from the matriculation centre of the International Islamic University were used as sample for this study. The Taqlidiyah method used some techniques of TAFL (Teaching Arabic As First Language), the al-Sam'iyat al-Shafawiyah method used some of the techniques of TASL (Teaching Arabic As A second Language). While the Eclectic Systematic method used the combination techniques of Taqlidiyah and al-Sam'iyat al-Shafawiyah method. The curriculum for six groups of students used in this study were controlled in terms of gender, nationality, basic Arabic language skills and Arabic language training outside classrooms. This study has identified the characteristics and the procedures of the Eclectic Systematic teaching method, which was found suitable for the teaching of Arabic language for Malay student at the matriculation of the International Islamic University. Results of the study showed that the Taqlidiyah method was effective in teaching reading comprehension and writing skill for both the elementary and intermediate levels. The al-Sam'iyat al-Shafawiyah method was effective in teaching listening comprehension and

speaking skill for both the elementary and intermediate levels. The Eclectic Systematic method was effective in teaching all four language skills for both the elementary and intermediate levels.

**Keyword:** Methods of teaching Arabic language, a quasi experimental design, Eclectic Systematic, language skill, elementary and intermediate levels, Malay students.

## Pendahuluan

Seiring dengan perkembangan bahasa-bahasa lain, bahasa Arab juga mengalami perkembangan yang pesat. Kaedah-kaedah pengajaran bahasa mula dikaji dan diuji oleh para sarjana bahasa. Kaedah-kaedah pengajaran ini yang didasari oleh teori-teori pemerolehan dan pembelajaran bahasa telah dipraktikkan dan diselidiki keberkesannya terhadap pelajar-pelajar bahasa terutamanya berkaitan pengajaran bahasa kedua dan bahasa asing kepada bukan penutur jati. Kewujudan teori-teori pembelajaran seperti behaviorisme, kognitif dan interaksionalis mempengaruhi kaedah-kaedah pengajaran bahasa. Setiap pendokong teori-teori ini mempunyai pendapat masing-masing yang kadangkalanya berbeza antara satu sama lain. Rentetan daripada perbezaan-perbezaan ini, tercetusnya pertelingkahan mengenai kaedah pengajaran bahasa.

Jika kita perhatikan, pertelingkahan besar tentang kaedah pengajaran bahasa timbul daripada dua pendapat yang berbeza, iaitu antara ahli-ahli 'empiris' dengan ahli-ahli 'rasional'. Kedua-dua golongan ini berbeza dalam dua perkara asas, iaitu tentang takrif bahasa dan bagaimana bahasa dikuasai. Kedua-dua kumpulan ini membincangkan teori-teori yang berlainan, iaitu 'Teori Pembelajaran Kod Kognitif' dan 'Teori Behaviorisme Dengar-Tutur'. Teori pembelajaran Kod Kognitif dipelopori oleh Chomsky. Beliau telah memperkenalkan teori Nahu Terjemahan (Transformational Grammar(TG)). Menurut teori TG, setiap yang dilafazkan menurut rumus-rumus sesuatu bahasa, mempunyai dua struktur, iaitu struktur permukaan dan struktur dalaman. Struktur permukaan ialah struktur ayat-ayat yang kita gemar dengar dan lihat. Manakala struktur dalaman ialah struktur ayat pada peringkat yang abstrak di dalam pemikiran penutur sebelum ayat itu dilahirkan. Bahagian dalaman bahasa berupa

proses mental yang dapat mengeluarkan bahasa tanpa perangsangan dari luar dan bahasa sebenarnya adalah hasil daripada pemikiran. Itulah sebabnya dalam pendekatan ini, analisis dilakukan dan bukannya analogi. Dengan analisis para pelajar menggunakan fikiran mereka untuk memahami satu-satu hukum tatabahasa Pengajaran dibuat secara deduktif, iaitu guru mengajar secara formal tentang satu-satu hukum tatabahasa (Kamarudin, 1988) dan (Hamizul, 2008)

Beberapa ciri pendekatan Kod Kognitif, menurut Chastain dan Woerdehoff (1968), adalah:

- a) Menggunakan latihan-latihan yang disusun khas untuk mengajar "kefahaman" tatabahasa berkaitan dengan konsep-konsep yang diperkenalkan.
- b) Penerangan semua bahasa secara deduktif sebelum dijalankan latihan-latihan struktur tersebut.
- c) Latihan semua kemahiran bahasa sejak dari permulaan kursus.

Dilihat daripada ciri-ciri tersebut, kaedah Kod Kognitif ini mempunyai hubungkait dengan Kaedah Taqlidiyah atau kaedah Nahu Terjemahan. Kaedah Taqlidiyah ini digunakan dalam pengajaran bahasa Arab bertujuan untuk memahami kitab al-Quran kitab Hadis dan kitab-kitab ilmu agama yang asas seperti Tauhid, Fiqh, Tafsir, dan lain-lain.

Kaedah ini pernah diterapkan di sekolah-sekolah agama peringkat rendah dan juga di peringkat menengah di Malaysia hingga sekarang. Kaedah ini juga telah dilaksanakan di peringkat universiti. Mohd Ali (1988) menjelaskan:

Walaupun murid-murid telah sampai ke peringkat sekolah menengah, namun kaedah penga-

jaran dan pembelajaran (bahasa Arab) mereka belum berubah, mereka masih berpegang kepada 'kaedah lama' (kaedah Taqlidiyah) seperti yang diterapkan di peringkat sekolah rendah. Para guru belum mencuba untuk mengajar murid-murid dengan kaedah langsung yang tidak menggunakan penterjemahan kepada bahasa ibunda. Hal yang demikian mengakibatkan murid-murid yang telah menamatkan pengajian mereka di peringkat ini masih belum mampu bercakap dengan baik dalam bahasa Arab. Lebih-lebih lagi tujuan utama mereka mempelajari bahasa Arab adalah untuk memahami al-Quran dan al-Sunah serta ilmu-ilmu agama yang asas seperti Tauhid, Fiqh, Tafsir dan lain-lain, dengan menterjemahkannya ke dalam bahasa ibunda. Hal ini berlaku sampai ke peringkat universiti.

Mengikut Maimun Aqsha (1991), kelemahan penguasaan kefahaman bacaan dalam bahasa Arab di Pusat Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa diakibatkan kaedah pengajaran al-Samciyat al-Shafawiyah yang tidak mengajarkan qawaid bahasa Arab secara teori nahu, sementara kelemahan penguasaan kemahiran bertutur berpunca daripada kaedah pengajaran Taqlidiyah yang kurang memahirkan aktiviti bertutur dalam pengajaran bahasa Arab.

Disamping teori pembelajaran Kod Kognitif, terdapat pula teori pembelajaran "Teori Behaviorisme Dengar Tuter" (bermula sejak 1957). Ahli bahasa yang mempeloporkan teori ini ialah Bloomfield dan ahli psikologi yang mendasari teori aliran ini ialah Skinner. Menurut teori ini bahasa itu dianggap suatu aktiviti yang diperolehi melalui latihan dan pengulangan hingga menjadi satu tabiat, dan bahasa itu adalah sesuatu yang hidup dan dengan itu mestilah dipelajari dalam suasana semula jadinya iaitu bahasa lisan (Kamarudin 1988).

Rivers (1980) telah membincangkan beberapa tanggapan, yang antara lain terdapat dua perkara yang menjadi inti bagi teori Dengar-Tuter dalam pembelajaran bahasa asing atau pengajaran bahasa sebagai bahasa kedua:

- a) Pembelajaran bahasa pada asasnya adalah satu proses yang mekanikal membentuk tabiat.
- b) Analogi memberi asas yang lebih kukuh terhadap pembelajaran bahasa berbanding dengan analisis.

Teori yang dianjurkan oleh Skinner ini menekankan peri mustahaknya stimulus dan respons dalam pengajaran dan pembelajaran. Peranan dan fungsi otak tidak dapat diambil kira kerana hubungan-hubungan mental tidak dapat diamati. Aliran ini menganggap pembelajaran bahasa merupakan penguasaan satu kebiasaan yang diperolehi dengan mengulang perlakuan aktiviti yang hendak dikuasai.

Pendekatan Dengar-Tuter ini mempengaruhi pula pendekatan pengajaran bahasa Arab pada tahun 50-an yang mana kaedah syarahan yang sedia ada pada masa itu mendapat saingan daripada pendekatan Dengar-Tuter. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Mahmud Ismail Sini, et.al. (1979):

"Pada akhir-akhir tahun lima puluhan, telah muncul kaedah pengajaran al-Samciyat al-Shafawiyah (pendekatan Dengar-Tuter), yang menyaingi dan menentang kaedah "syarahan". Kaedah tersebut mengutamakan latihan-latihan secara berterusan terhadap susunan-susunan bahasa Arab yang lazim (khususnya latihan lisan)."

Menurut Mustafa al-Ghalayin (1973), bahasa Arab ialah perkataan-perkataan yang ditutur dan dituliskan oleh orang Arab untuk menyampaikan maksud-maksud mereka. Bahasa itu sampai kepada kita melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Al-Qur'an dan al-hadith pula memelihara keutuhan bahasa tersebut.

Bahasa Arab yang diperbincangkan dalam tulisan ini adalah bahasa Arab fushah atau disebut juga dengan bahasa Arab standard (Standard Arabic). Bahasa Arab fushah adalah bahasa Arab yang terdapat dalam kitab al-Quran, kitab hadith dan kitab-kitab agama yang terkenal Fiqh,

Tafsir, Tauhid dan lain-lain. Di samping bahasa Arab fushah, terdapat pula bahasa Arab cAmmiyah, iaitu bahasa Arab pasar atau Lughah al-Suq. Lughah al-Suq ini tidak termasuk dalam tulisan ini.

### Tiga Kaedah

#### 1. Kaedah Taqlidiyah (Tradisional Nahu- Terjemahan)

Pengajaran dalam kaedah ini dimulakan dengan latihan kemahiran membaca, kemudian melibatkan semua kemahiran yang lain seperti kemahiran bertutur, membaca, dan menulis. Pengajaran nahw (tatabahasa) pula disampaikan secara deduktif, iaitu dengan menerangkan definisi (takrif) satu-satu qawaid dengan terperinci terlebih dahulu kemudian diteruskan dengan menerangkan contoh-contoh yang berkenaan dengannya. Takrif kaedah ini akan disuruh hafazkan oleh guru. Ketika mengajarkan teks bacaan sama ada bentuk perbualan ataupun rancangan, diadakan terjemahan ke dalam bahasa ibunda (bahasa Melayu), dan pengajaran melalui kaedah ini tidak menggunakan alat pandang dengar (audio visual). Kaedah ini mementingkan kepada tatabahasa dalam mengajar teks bacaan.

#### 2. Kaedah Al-Samciyat al-Shafawiyah (Dengar-Tutur)

Pengajaran dimulakan dengan latihan kefahaman mendengar, kemudian melibatkan semua kemahiran yang lain seperti kemahiran bertutur, kemahiran bacaan, dan kemahiran menulis. Pengajaran nahw (tatabahasa) disampaikan secara nahw praktik iaitu mengajarkan nahu secara tidak langsung atau memahirkan kemahiran-kemahiran bahasa dengan tidak mengupas takrif (definisi) tatabahasanya satu persatu, walau bagaimanapun setiap pengajaran bahasa dalam keempat-empat kemahiran diajarkan dengan praktikal tatabahasa yang betul. Dalam mengajarkan teks bacaan pula sama ada bentuk perbualan ataupun rancangan tidak diadakan terjemahan ke dalam bahasa ibunda (bahasa Melayu), dan kaedah ini menggunakan alat pandang dengar ( audio visual).

#### 3. Kaedah Eklektik Sistematis

Kaedah ini ialah gabungan di antara kebaikan kaedah Taqlidiyah dan kebaikan kaedah Al-Samciyat al-Shafawiyah. Ia dibuat berdasarkan hasil keputusan kajian peringkat sarjana pendidikan UKM (Maimun Aqsha 1991). Melalui kaedah ini pengajaran dimulakan dengan gabungan antara kemahiran mendengar dengan kemahiran membaca, ia juga melibatkan semua kemahiran yang lain seperti kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Pengajaran nahw (tatabahasa) menerusi kaedah ini disampaikan secara induktif, iaitu dengan menampilkan ayat-ayat (jumlah) dalam bahasa Arab kepada pelajar serta melatih ayat-ayat tersebut dalam kemahiran bahasa seperti kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan memahami, sementara ayat-ayat ini adalah merupakan contoh-contoh dalam satu-satu perkaedahan bahasa Arab, sehingga sampai kepada definisi takrif kaedah tersebut. Cara induktif ini berlawanan dengan cara deduktif pada kaedah Taqlidiyah / Tradisional. Takrif kaedah ini tidak sampai disuruh hafazkan oleh guru, namun disuruh fahamkan dengan baik dengan cara mengulang keterangannya beberapa kali sambil mengaitkannya semua dengan contoh-contoh yang telah diberikan. Dalam mengajarkan teks bacaan sama ada bentuk perbualan ataupun petikan karangan, terjemahan ke dalam bahasa ibunda (bahasa Melayu) dibuat jika amat diperlukan, dan dalam setiap pengajaran menerusi kaedah ini digunakan alat pandang dengar (audio visual).

Secara umum, kaedah ini sama seperti “kaedah terus” (mubasharah), iaitu membolehkan murid-murid menguasai keempat-empat kemahiran bahasa dan boleh menggunakan bahasa itu dengan baik. Melalui kaedah ini, guru mampu mengelakkan pengajaran kurang tepat dan tidak jelas dengan memberikan penjelasan dalam bahasa ibunda murid-murid jika dirasakan sangat perlu. Perkataan yang susah difahami, diterjemahkan ke dalam bahasa ibunda apabila dirasakan amat perlu dengan mengambil kira kepada tajuk dan situasi pengajaran dan pembelajaran. Guru-guru menggunakan pola-pola struktur untuk melatih tubi struktur ayat murid dan melancarkan kemahiran bertutur mereka (Abdul Aziz Talib 1989, Mahmud Ismail Sini, et.al 1983 & Maimun Aqsha 1991).

## Pernyataan Masalah

Dalam kursus-kursus dan seminar-seminar yang dianjurkan oleh pihak Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) tentang kaedah pengajaran bahasa Arab, kedua-dua kaedah iaitu kaedah al-Samciyat al-Shafawiyah (Dengar-Tutur) dan kaedah Taqlidiyah (kaedah Tradisional Nahu-Terjemahan) selalu dibangkitkan, sehingga terjadi perdebatan di antara dua pihak yang menerapkan kaedah-kaedah tersebut dalam pengajaran bahasa Arab.

Pihak pertama yang tidak mempunyai latar belakang pendidikan Pengajaran Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua (PEBAK) mendakwa bahawa kaedah Taqlidiyah adalah yang paling sesuai untuk mencapai matlamat utama daripada pengajaran bahasa Arab di UIAM, iaitu kefahaman bacaan dan juga untuk mencapai matlamat kemahiran bahasa yang lain, seperti kefahaman mendengar, kemahiran bertutur, dan kemahiran menulis.

Pihak kedua yang pernah menerima pendidikan kaedah pengajaran bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua (PEBAK) menyatakan bahawa kaedah al-Samciyat al-Shafawiyah merupakan kaedah yang paling sesuai untuk diterapkan kepada para pelajar yang bahasa Arab bukan bahasa ibunda bagi mereka. Untuk itu satu penggabungjalinan antara kedua-dua kaedah di atas perlu dibangunkan dan kaedah ketiga ini perlu diuji bersama-sama dengan dua kaedah yang sedia ada bagi mencari jalan penyelesaian masalah yang dihadapi.

## Persoalan Kajian

- 1) Bagaimanakah pencapaian pelajar dalam empat kemahiran bahasa mengikut tiga kaedah pengajaran yang berbeza?
- 2) Sejauhmanakah perbezaan pencapaian pelajar antara ketiga-tiga kaedah pengajaran?
- 3) Bagaimana pencapaian kaedah mengikut peringkat kebolehan pelajar?

## Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk membandingkan kesan tiga kaedah pengajaran bahasa Arab, iaitu (i) kaedah Taqlidiyah (ii) kaedah al-Samciyat al-Shafawiyah dan (iii) kaedah Eklektik Sistemik ke atas empat kemahiran bahasa, iaitu (a) kefahaman

mendengar, (b) kemahiran bertutur, (c) kefahaman bacaan dan (d) kemahiran menulis. Di samping itu juga kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pencapaian ketiga-tiga kaedah mengikut kedua peringkat (permulaan dan pertengahan).

## Sampel Kajian

Sampel kajian ini terdiri daripada 300 orang pelajar Pusat Matrikulasi, UIAM yang mempunyai asas dan yang tidak mempunyai asas bahasa Arab. Pelajar-pelajar yang tidak mempunyai asas bahasa Arab dimestikan menghabiskan dua peringkat bahasa tersebut sebelum memasuki program Sarjana Muda, iaitu peringkat permulaan dan peringkat pertengahan. Pelajar-pelajar yang mempunyai asas bahasa Arab pula biasanya terus memasuki peringkat pertengahan. Kajian ini melibatkan dua peringkat kebolehan pelajar, iaitu peringkat permulaan dan peringkat pertengahan (Jadual 1.1).

Kaedah	Permulaan	Pert
A	50 pelajar (2 kelas)	50 pelajar (2 kelas)
B	50 pelajar (2 kelas)	50 pelajar (2 kelas)
C	50 pelajar (2 kelas)	50 pelajar (2 kelas)

## Metadologi Kajian

### Reka bentuk kajian

Kajian ini menggunakan kaedah eksperimen kuasi (ujikaji yang terkawal) dengan penganalisan varians (ANOVA) dan ujian Tukey. Sampel kajian dibahagikan kepada enam kumpulan pelajar, iaitu tiga kumpulan pelajar yang tidak mempunyai asas bahasa Arab (Peringkat Permulaan) dan tiga kumpulan pelajar yang mempunyai asas bahasa Arab (Peringkat Pertengahan). Seramai 150 orang pelajar yang dikenal pasti tidak mempunyai asas bahasa Arab dibahagikan kepada tiga kumpulan yang setiap kumpulan terdiri daripada 50 orang pelajar. Dalam pengajaran di bilik kelas setiap kumpulan (50 pelajar) ini dibahagikan kepada dua kelas yang masing-masing terdiri daripada 25 orang pelajar. Kedua-dua kelas diajar dengan kaedah pengajaran dan guru yang sama iaitu kaedah Taqlidiyah serta segala aspek pengajaran dan pembelajarannya seperti suka-

tan pelajaran dan kekerapan belajar yang sama. Begitu juga dilakukan terhadap kumpulan pelajar yang kedua (50 orang pelajar) juga dibahagikan kepada dua kelas dan juga diajar dengan seorang guru sahaja menggunakan kaedah al-Samciyat al-Shafawiyah. Seterusnya cara yang sama dilakukan kepada kumpulan ketiga (50 orang pelajar) dengan penerapan kaedah Eklektik Sistemik.

Bagi kumpulan pelajar peringkat permulaan, subjek kajian terhad kepada pelajar-pelajar perempuan keturunan Melayu, yang tidak pernah mempelajari bahasa Arab sebelum memasuki Pusat Matrikulasi UIAM, belum pernah mengikuti kelas formal bahasa Arab sama ada di sekolah rendah ataupun di sekolah menengah dan belum pernah mengikuti pembelajaran bahasa Arab melalui kursus-kursus lain. Semuanya pelajar tersebut berasal dari sekolah menengah kebangsaan/biasa (bukan agama) dan mempunyai Pangkat Satu dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Pelajar-pelajar ini juga belum pernah mempelajari bahasa Arab, sama ada melalui ibu bapa atau kawan-kawan, sebelum memasuki Pusat Matrikulasi UIAM. Walau bagaimanapun mereka pernah mengikuti pelajaran membaca al-Qur'an antara satu hingga lima tahun sebelum memasuki Pusat Matrikulasi UIAM dan mempunyai kebolehan membaca ayat-ayat suci al-Qur'an.

Bagi kumpulan pelajar peringkat pertengahan pula, subjek kajian terhad kepada pelajar-pelajar perempuan keturunan Melayu yang mengikuti kursus bahasa Arab selama dua semester dan telah lulus peperiksaan akhir mata pelajaran Bahasa Arab Peringkat Permulaan dengan markah B dan tidak mengikuti kursus bahasa Arab di luar bilik darjah, seperti kursus antara semester atau kursus bahasa Arab yang lain semasa cuti semester semasa belajar di pusat ini. Selain itu, mereka juga mengikuti pelajaran membaca al-Qur'an yang merupakan pelajaran kokurikulum tilawah al-Qur'an di Pusat Matrikulasi UIAM selama dua jam setiap minggu.

Pelajar lelaki tidak diambil dalam kajian ini, kerana mengikut hasil keputusan ujian semester satu dan semester dua, terdapat perbezaan pencapaian bahasa Arab antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan di pusat ini (Qism al-Lughat al-cArabiyah). Bagi mengelakkan perbezaan pencapaian bahasa Arab yang disebabkan oleh perbezaan jantina, maka kajian ini

hanya melibatkan pelajar perempuan sahaja.

Kesemua (enam) kumpulan subjek kajian terdiri daripada pelajar-pelajar bangsa Melayu. Pilihan ini dibuat memandangkan bahawa di Pusat Matrikulasi UIAM terdapat pelbagai bangsa yang mempunyai kemampuan bahasa Arab yang berbeza, seperti antara bangsa Melayu dengan bangsa Cina Taipeh, bangsa Thailand dengan bangsa Afghanistan dan lain-lain (Qism al-Lughat al-cArabiyah). Dengan kawalan yang lebih ketat terhadap faktor-faktor yang telah disebutkan, keputusan kajian daripada eksperimen ini dapat menampilkan kesan kaedah pengajaran sahaja. Selain itu jumlah jam belajar untuk tiap-tiap kumpulan adalah sama (iaitu 10 jam dalam satu minggu) dijalankan selama dua semester.

Jadual 1.2 : Faktor-faktor Subjek Kajian yang dikawal

Faktor	Kekerapan	Peratus
Jantina Perempuan	300	100
Etnik Melayu	300	100
Asas Kebolehan B. Arab Permulaan Pertengahan	150 150	50 50
Keputusan SPM Gred 1	300	100

Pada akhir penerapan kaedah pengajaran, soal selidik kawalan dilakukan sekali lagi untuk memastikan subjek kajian tidak mengikuti kursus bahasa Arab di luar kelas formal, mempelajari daripada ibu bapa atau melalui kawan-kawan semasa cuti semester.

Keputusan ujian bertulis (placement test) untuk menentukan aras kebolehan bahasa Arab, dan keputusan akhir semester bagi subjek bahasa Arab telah digunakan untuk menentukan tahap subjek kajian.

## Dapatan Kajian

Berikut ini diperturunkan hasil analisis data berkaitan dengan pencapaian markah kemahiran bahasa Arab untuk melihat perbandingan kesan mengikut kaedah pengajaran dan peringkat kursus (Jadual 1.3):

Kesan	Kaedah A	n	Min	S.P	Nilai F	Keb.
Kaedah	Kaedah A	100	57.0	6.2	35.809	0.000*
	Kaedah B	100	59.2	5.3		
	Kaedah C	100	63.7	5.7		
Peringkat	Permulaan	150	59.6	6.6	1.450	0.229
	Pertengahan	150	60.4	6.1		
Interaksi Kaedah-Peringkat	Permulaan	50	56.4	7.0	4.337	0.014*
	Kaedah A	50	60.1	5.9		
	Kaedah B	50	62.2	5.7		
	Kaedah C	50				
Interaksi Kaedah-Peringkat	Pertengahan	50	57.6	5.3		
	Kaedah A	50	58.3	4.5		
	Kaedah B	50	65.1	5.7		
	Kaedah C	50				

\*  $p < 0.05$  :                    Signifikan pada aras 0.05  
Kaedah A:                        Taqlidiyah  
Kaedah B                        :        al-Sam ciyat al-Shafawiyah  
Kaedah C                        :        Eklektik Sistemik  
S.P                                 :        Sisihan Piawai  
Keb.                                :        Kebarangkalian

Analisis varians bagi jumlah markah ujian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian pelajar kaedah Taqlidiyah, kaedah al-Samciyat al-Shafawiyah dan kaedah Eklektik Sistemik. Jadual 1.3 menunjukkan markah purata bagi pelajar kaedah Taqlidiyah ialah 57.0, bagi pelajar kaedah al-Samciyat al-Shafawiyah ialah 59.2 dan bagi pelajar kaedah Eklektik Sistemik ialah 63.7.

Ujian Tukey dalam kesan kaedah pengajaran terhadap keseluruhan markah kemahiran bahasa bagi kedua-dua peringkat menunjukkan:

- 1) Pencapaian kaedah Taqlidiyah berbeza daripada pencapaian kaedah al-Samciyat al-Shafawiyah dan kaedah Eklektik Sistemik, iaitu pencapaian pelajar kaedah Taqlidiyah lebih rendah daripada pencapaian pelajar kaedah al-Samciyat al-Shafawiyah dan kaedah Eklektik Sistemik.
- 2) Pencapaian kaedah al-Samciyat al-Shafawiyah dan pencapaian kaedah Eklektik Sistemik

tidak juga berbeza, iaitu pencapaian pelajar kaedah al-Samciyat al-Shafawiyah lebih rendah daripada pencapaian kaedah Eklektik Sistemik. Keputusan ini menunjukkan pencapaian pelajar kaedah Eklektik Sistemik lebih baik daripada pencapaian pelajar kaedah al-Samciyat al-Shafawiyah dan kaedah Taqlidiyah bagi keseluruhan kemahiran bahasa.

Analisis varians bagi jumlah markah ujian menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara pencapaian pelajar peringkat permulaan dengan pencapaian pelajar peringkat pertengahan. Jadual 1.3 menunjukkan markah purata bagi pelajar peringkat permulaan ialah 59.6 dan bagi pelajar Peringkat Pertengahan ialah 60.4. Keputusan ini menunjukkan tiada perbezaan pencapaian antara kedua-dua aras peringkat kebolehan pelajar.

Analisis varians bagi jumlah markah ujian ini juga menunjukkan terdapat perbezaan kesan interaksi antara pencapaian pelajar kaedah Taqlidiyah, kaedah al-Samciyat al-Shafawiyah dan kaedah Eklektik Sistemik dengan peringkat kebolehan pelajar. Jadual 1.3 menunjukkan markah purata bagi pelajar kaedah Taqlidiyah di peringkat permulaan ialah 56.4 dan di peringkat pertengahan ialah 57.6. Bagi pelajar kaedah al-Samciyat al-Shafawiyah markah purata di peringkat permulaan ialah 60.1 dan di peringkat pertengahan ialah 58.3. Seterusnya bagi pelajar kaedah Eklektik Sistemik markah purata di peringkat permulaan ialah 62.2 dan di peringkat pertengahan ialah 65.1. Keputusan ini menunjukkan pencapaian pelajar di peringkat permulaan dan peringkat pertengahan hampir sama bagi kaedah Taqlidiyah dan kaedah al-Samciyat al-Shafawiyah. Bagi kaedah Eklektik Sistemik pencapaian pelajar di peringkat pertengahan adalah lebih baik daripada peringkat permulaan bagi keseluruhan kemahiran bahasa.

## Perbincangan

### Rumusan

Hasil penganalisan data tentang pencapaian kemahiran bahasa dan perbezaan pencapaian mengikut kaedah pengajaran dan peringkat kebolehan pelajar disimpulkan seperti berikut:

- i) Kaedah Taqlidiyah didapati berkesan, iaitu dapat mencapai matlamat UIAM bagi kemahiran kefahaman bacaan dan kemahiran menulis di

peringkat permulaan dan di peringkat pertengahan. Kaedah ini didapati kurang berkesan bagi kemahiran kefahaman mendengar dan kemahiran bertutur di peringkat permulaan dan juga peringkat pertengahan. Keberkesanan kaedah ini bagi kemahiran kefahaman bacaan dan kemahiran menulis adalah disebabkan kefahaman yang baik oleh pelajar-pelajar kaedah ini terhadap tata bahasa Bahasa Arab. Jawapan-jawapan mereka dalam ujian kefahaman bacaan lebih tepat daripada segi tatabahasa berbanding dengan kaedah al-Samciyat al-Shafawiyah. Begitu juga dalam kemahiran menulis. Walaupun karangan para pelajar kaedah ini hanya pada kadar memadai sahaja, tetapi tepat dan benar daripada segi susunan tata bahasanya. Walaubagaimanapun, pencapaian dalam dua kemahiran yang lain, iaitu kefahaman mendengar dan kemahiran bertutur tidak mencapai matlamat UIAM. Ini disebabkan penggunaan bahasa Arab bagi kumpulan ini agak berkurangan kerana adanya terjemahan-terjemahan ke dalam bahasa Melayu.

ii) Kaedah al-Samciyat al-Shafawiyah berkesan bagi kefahaman mendengar dan kemahiran bertutur pada peringkat permulaan dan pertengahan dan tidak berkesan bagi kemahiran membaca dan menulis pada peringkat permulaan dan pertengahan. Keberkesanan kaedah ini bagi kefahaman mendengar dan bertutur pada peringkat permulaan dan pertengahan disebabkan penerapan pengajaran bahasa Arab tanpa menterjemahkan bahasa tersebut kepada bahasa Melayu. Ini memaksa pelajar-pelajar kaedah ini berusaha untuk memahami perkataan-perkataan dan arahan-arahan pensyarah untuk dapat mengikuti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Cara ini juga dapat meningkatkan kefahaman mendengar dan kemahiran bertutur mereka. Walau bagaimanapun, tumpuan penyampaian yang menggunakan bahasa Arab seratus peratus dan kurang penekanan terhadap aspek tata bahasa (Nahw) ternyata kurang membawa kesan yang diharapkan dalam kemahiran kefahaman bacaan dan menulis untuk peringkat permulaan dan pertengahan. Ini disebabkan sebahagian pelajar kurang memahami kaedah susunan perkataan dan ayat-ayat bertulis bahasa Arab atau Nahu dengan baik.

iii) Kaedah Eklektik Sistemik berkesan bagi semua kemahiran, iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis pada peringkat permulaan dan juga peringkat pertengahan kerana kaedah ini

dapat menyeimbangkan penekanan pengajaran di antara kemahiran bahasa dengan kaedah tata bahasa. Dalam mengajar tata bahasa, pengajaran disertai juga dengan kemahiran berbahasa. Keempat-empat kemahiran bahasa dilatih oleh guru kepada pelajar-pelajar sebelum sampai kepada satu-satu kesimpulan tata bahasa. Penggunaan tata bahasa yang betul secara lisan dan tulisan juga ditekankan melalui kaedah ini.

iv) Analisis varians bagi markah keseluruhan menunjukkan bahawa kaedah Eklektik Sistemik lebih berkesan daripada kaedah Taqlidiah dan kaedah al-Samciyat al-Shafawiyah. Di antara ciri utama daripada kaedah Eklektik Sistemik ini ialah merangsang para pelajar untuk mempertingkatkan kemahiran bahasa. Penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dan pengajaran secara langsung telah dapat meningkatkan kemahiran mendengar dan bertutur. manakala pengajaran tata bahasa secara pendekatan induktif (istiqraiyyah) pula dapat meningkatkan kemahiran kefahaman bacaan dan kemahiran menulis dalam kalangan pelajar.

v) Analisis varians bagi markah keseluruhan menunjukkan kaedah Eklektik Sistemik menghasilkan perbezaan yang ketara antara peringkat pertengahan dengan peringkat permulaan. Perbezaan ini adalah kecil bagi kaedah Taqlidiah dan kaedah al-Samciyat al-Shafawiyah. Ini menunjukkan bahawa kaedah Eklektik Sistemik lebih sesuai dan berkesan jika diajarkan terhadap pelajar peringkat pertengahan berbanding dengan pelajar peringkat permulaan kerana kaedah ini merangsang aktiviti kemahiran bahasa dan penganalisaan tata bahasa.

vi) Analisis varians dan ujian Tukey bagi kemahiran kefahaman mendengar menunjukkan kaedah al-Samciyat al-Shafawiyah dan kaedah Eklektik Sistemik lebih berkesan daripada kaedah Taqlidiah. Perbezaan kesan tersebut disebabkan pelajar-pelajar selalu diperdengarkan dengan pertuturan-pertuturan bahasa Arab dalam kaedah al-Samciyat al-Shafawiyah dan kaedah Eklektik Sistemik. Ini dapat melazimkan mereka mendengar ayat-ayat dalam bahasa Arab bagi meningkatkan kefahaman mendengar yang lebih baik berbanding dengan penggunaan kaedah Taqlidiah.

vii) Analisis varians dan ujian Tukey bagi kemahiran bertutur menunjukkan kaedah Eklektik



Sistematik dan kaedah al-Samciyat al-Safawiyah lebih berkesan daripada kaedah Taqlidiyah. Ini disebabkan kaedah Eklektik Sistematik dan al-Samciyat al-Shafawiyah lebih menggalakkan pelajar-pelajar untuk bertutur tanpa terlalu dipengaruhi peraturan tatabahasa di peringkat awal yang boleh menjadikan pelajar merasa kurang berani untuk bertutur. Dapatan ini menyokong dapatan kajian yang dibuat oleh Chastain dan Woerdehoff (1968) yang membandingkan dua pendekatan mengajar bahasa Inggeris, iaitu pendekatan "Teori pembinaan tabiat dengar-tutur" (Induktif), dan "Teori pembelajaran kod-kognitif" (Deduktif). Hasil kajian mereka ialah kumpulan "Dengar-tutur" mengatasi kumpulan "Kod-Kognitif" dalam kemahiran bertutur.

viii) Analisis varians dan ujian Turkey bagi kemahiran kefahaman bacaan menunjukkan kaedah Eklektik Sistematik dan kaedah Taqlidiyah adalah lebih berkesan daripada kaedah al-Samciyat al-Shafawiyah. Ini disebabkan kaedah Eklektik Sistematik dan kaedah Taqlidiyah ini lebih meningkatkan pemahaman pelajar tentang peraturan tatabahasa yang boleh menolong mereka memahami ayat-ayat bacaan. Dapatan ini menyokong kajian yang dibuat oleh Chastain dan Woerdehoff (1968). Hasil kajian mereka menunjukkan kumpulan "Kod-Kognitif" mengatasi kumpulan "Dengar-Tutur" dalam kemahiran kefahaman bacaan. Dapatan ini juga sesuai dengan dapatan kajian Hamizul (2008) iaitu kaedah Nahw Terjemahan mengatasi kaedah al-Samciyat al-Shafawiyah bagi keempat-empat kemahiran bahasa.

ix) Analisis varians dan ujian Turkey bagi kemahiran menulis menunjukkan kaedah Eklektik Sistematik dan kaedah Taqlidiyah lebih berkesan daripada kaedah al-Samciyat al-Shafawiyah. Ini disebabkan kaedah Eklektik Sistematik dan kaedah Taqlidiyah ini lebih meningkatkan pemahaman pelajar-pelajar berhubung peraturan tatabahasa yang boleh menolong mereka untuk menyusun karangan yang baik. Dapatan ini juga menyokong dapatan kajian yang dibuat oleh Chastain dan Woerdehoff (1968). Hasil kajian mereka menunjukkan kumpulan "Kod-Kognitif" mengatasi kumpulan "Dengar-Tutur" dalam kemahiran menulis. Begitu juga dengan kajian Hamizul (2008) mendapati bahawa kaedah Nahw Terjemahan mengatasi kaedah Qadimah.

x) Analisis varians bagi kemahiran kefaha-

man bacaan menunjukkan kaedah Eklektik Sistematik mewujudkan perbezaan yang ketara antara peringkat permulaan dengan peringkat pertengahan, sementara perbezaan kedua-dua peringkat ini adalah kecil bagi kaedah Taqlidiyah dan kaedah al-Samciyat al-Shafawiyah. Kesimpulannya kaedah Eklektik Sistematik lebih berkesan untuk peringkat pertengahan daripada peringkat permulaan dalam kemahiran kefahaman bacaan.

xi) Analisis varians menunjukkan tiada perbezaan pencapaian di antara dua peringkat kebolehan pelajar dalam kemahiran kefahaman mendengar, kemahiran bertutur dan kemahiran menulis. Kesimpulannya, perbezaan kesan bagi ketiga-tiga kaedah pengajaran (al-Samciyat al-Shafawiyah, Taqlidiyah dan kaedah Eklektik Sistematik) dalam tiga kemahiran bahasa Arab (mendengar, bertutur dan menulis) adalah amat kecil di antara peringkat permulaan dan peringkat pertengahan.

### **Kaedah Eklektif Sistematik**

Langkah-langkah kaedah Eklektik Sistematik dalam proses pengajaran dan pembelajaran ialah seperti berikut:

i) Pengajaran dimulakan dengan pensyarah membacakan petikan karangan ataupun petikan berbentuk perbualan untuk kali pertama dan para pelajar menyemak bacaan itu daripada kitab masing-masing. Seterusnya pensyarah membacakan semula (untuk kali kedua) bahan pengajaran daripada petikan karangan dan semua pelajar menutup kitab (buku teks) masing-masing serta mereka dikehendaki mendengar dengan teliti. Aktiviti ini dilakukan untuk melatih kefahaman mendengar dan melatih kemahiran bacaan pelajar untuk peringkat awal.

ii) Aktiviti pembelajaran diteruskan dengan soalan-soalan latihan dalam bentuk kemahiran kefahaman mendengar, bertutur, dan kefahaman bacaan seperti menjawab pertanyaan-pertanyaan dengan ringkasecaralisanberpandukankepadaisipetikan.

iii) Beberapa orang pelajar diminta membaca seorang demi seorang sambil membuat pembetulan kesalahan yang dilakukan oleh mereka.

iv) Pensyarah menerangkan isi petikan atau perbualan dengantidakmenterjemahkanperkataan

yang susah ke dalam bahasa ibunda (Melayu), kecuali jika sangat diperlukan iaitu pelajar tidak dapat memahaminya walaupun telah dibantu dengan alat-alat sumber pengajaran dan pembelajaran. Di sini juga disertakan pengajaran Nahw Wazifi iaitu tatabahasa yang asas diterangkan secara praktikal dengan mengemukakan ayat-ayat yang betul susunannya dan berkaitan dengan tatabahasa yang sedang dipelajari. Pensyarah kemudiannya memberikan kefahaman tentang makna ayat berkenaan tanpa menterjemahkannya dan selanjutnya menerangkan definisi tatabahasa tersebut.

v) Latihan-latihan yang telah tersusun seperti menyelesaikan soalan-soalan (tadribat) dalam buku teks wajib para pelajar dan beberapa orang pelajar disuruh kembali membaca petikan secara nyaring untuk menilai kemahiran bacaan mereka.

vi) Sesi soal jawab untuk memastikan dan menilai kefahaman bacaan mereka.

vii) Pelajar disuruh berbincang secara ringkas dalam bahasa Arab sesama rakan yang duduk di sebelahnya dan membincangkan isi daripada perkara-perkara penting yang terdapat dalam tajuk hari itu. Di samping itu, beberapa orang pelajar disuruh mengemukakan hasil perbincangan mereka dan ditambah dengan kesimpulan oleh pensyarah berkenaan isi tajuk tersebut.

viii) Aktiviti pengajaran dan pembelajaran ini disudahi dengan kemahiran menulis atau membuat karangan ringkas berkaitan dengan isi tajuk yang dipelajari, (setiap akhir pembelajaran, pensyarah memberikan tugas-tugas di rumah (di asrama) dan kemudiannya tugas tersebut diperiksa oleh pensyarah).

Ringkasnya, kaedah Eklektik Sistemik adalah kaedah yang menggabungkan segala ciri yang baik dalam pengajaran bahasa yang terdapat dalam kaedah-kaedah lain. Dengan perkataan lain, ia merupakan satu cara mengajar bahasa yang menggunakan dua atau pelbagai kaedah dan tidak terikat kepada satu-satu kaedah tertentu. Guru boleh menggunakan usaha dan daya kreatif mereka sendiri. Mereka bebas mengajar mengikut kebolehan dan tahap kemampuan murid-murid. Dalam langkah-langkah pengajaran bahasa Arab (selama 40 minit), seperti yang disarankan oleh Maimun Aqsha (1991) untuk

peringkat permulaan, misalnya, dijalankan dahulu latihan mendengar dan membaca dan kemudian diikuti pula dengan bertutur dan seterusnya menulis. Pengajaran tatabahasa diajar secara istiqraiyah (induktif) untuk lebih menggalakkan kemahiran-kemahiran bahasa (mendengar, bertutur, membaca dan menulis) sebelum sampai kepada satu kesimpulan bersama antara guru dan murid. Kaedah ini banyak menggunakan latihan kemahiran bahasa dalam pengajarannya serta merangsang daya kreativiti murid-murid di dalam pengajaran dan pembelajarannya dapat berfikir dalam pengajaran cara ini dan dapat menggunakan bahasa itu secara aktif (Abdul Aziz 1989).

## Kesimpulan

Kesimpulan berikut disenaraikan daripada segi keberkesanan kaedah-kaedah pengajaran yang digunakan pengajaran bahasa Arab kepada penutur Melayu. Kaedah Taqlidiyah berkesan bagi kemahiran kefahaman bacaan dan kemahiran menulis tetapi tidak berkesan bagi kemahiran kefahaman mendengar dan kemahiran bertutur di peringkat permulaan dan pertengahan. Kaedah al-Samciyat al-Shafawiyah pula berkesan bagi kefahaman mendengar dan kemahiran bertutur tetapi tidak berkesan bagi kemahiran membaca dan kemahiran menulis pada peringkat permulaan dan pertengahan. Kaedah Eklektik Sistemik berkesan bagi kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis di peringkat permulaan dan pertengahan.

Merujuk kepada perbandingan keberkesanan penggunaan kaedah bagi empat kemahiran bahasa adalah didapati bahawa bagi kemahiran kefahaman mendengar dan bertutur, menunjukkan kaedah Eklektik Sistemik dan kaedah al-Samciyat al-Shafawiyah lebih berkesan daripada kaedah Taqlidiyah. Begitu juga bagi kemahiran bertutur, kaedah Bersepadu dan kaedah al-Samciyat al-Shafawiyah lebih berkesan daripada kaedah Taqlidiyah. Seterusnya bagi kemahiran kefahaman bacaan, kaedah Eklektik Sistemik dan kaedah Taqlidiyah didapati lebih berkesan daripada kaedah al-Samciyat al-Shafawiyah. Akhir sekali bagi kemahiran menulis, kaedah Eklektik Sistemik dan kaedah Taqlidiyah lebih berkesan daripada kaedah al-Samciyat al-Shafawiyah. Untuk itu didapati bahawa kaedah Eklektik Sistemik adalah lebih berkesan untuk diaplikasikan dalam pengajaran bahasa Arab ke-

pada penutur Melayu bagi mencapai keempat-empat kemahiran bahasa Arab dan juga bagi kedua-dua tahap kebolehan pelajar iaitu tahap permulaan dan pertengahan di Pusat Matrikulasi UIAM.

## Rujukan

Abdul Aziz Talib. Pengajaran dan Pengujian Bahasa. (pnyt.). 1989. Kuala Lumpur: Nurin Enterpirse.

Chastain, D.K. & Woerdehoff J.F. 1968. A methodological study comparing the audio lingual habit theory and the cognitif code-learning theory. *Modern Language Journal*: 52(11): 268-279.

Hamizul Mahmud. 2008. Satu perbandingan kesan dua kaedah pengajaran bahasa Arab antara kaedah Nahu terjemahan dengan kaedah al-Sam'iyat al-Shafawiyah di kalangan pelajar SMKA Maahad Hamidiah Kajang Selangor. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kamarudin Haji Husin. 1988. *Pedagogi Bahasa*. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd.

Maimun Aqsha Lubis. 1991. Satu perbandingan kesan dua kaedah pengajaran bahasa Arab terhadap pencapaian kemahiran bahasa di Pusat Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa. Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd. Ali Tuah. 1988. "Tadrisu al-Qiraat fi Jamiat al-Islamiyyat al- Alamiyyah". Disertasi Sarjana, St. Andrew University Scotland.

Mustafa al-Ghalayin. 1973. *Jami ut al-durus al-cArabiyah*. Juzu' satu. Libya: t.pt.

Mahmud Ismail Sini, Nasif Mustafa & Mukhtar al-Tahir. 1983. *Al-Arabiyat li al-Nashi'in*: Kitab al-Mu alim. Riyadh: Jami at al-Malik Sa ud.

Rivers, W.M. 1980. *Mengajar Bahasa Suatu Pendekatan Saintifik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

**Correspondence Author** : Hj Maimun Aqsha  
Lubis  
mal@ukm.my